

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: 22 Jun 2016 15:39
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MEMBURU IMPIAN, AZAM SMK ABU BAKAR AL-BAQIR, BAGAN SERAI PERAK



22 JUN 2016 / 17 RAMADAN 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

MEMBURU IMPIAN, AZAM SMK ABU BAKAR AL-BAQIR, BAGAN SERAI PERAK



ANJUNG TAMU ONLINE: Pelajar perlu mempunyai impian yang besar dengan membuktikan kecemerlangan dalam diri. Demikianlah juga dengan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Abu Bakar Al-Baqir (SMKABA) Bagan Serai, Perak yang berkeyakinan bahawa kejayaan akan tercapai mengikut keupayaan diri dan tidak jadikan kekurangan diri sebagai alasan kepada kegagalan.

Memenuhi impian tersebut, seramai 32 pelajar bersama empat guru pengiring sekolah SMKABA telah mengikuti program Discover UUM dengan kerjasama Pusat Kaunseling Jabatan Hal Ehwal Pelajar. Turut serta Pegawai Psikologi, Pusat Kaunseling, Mohd. Khairone Md. Khatidin. Welcome Centre tentunya mengalu-alukan kedatangan mereka dengan tangan yang terbuka.

Guru Bimbingan & Kaunseling SMKABA, Mohd. Khairi Idris berkata,

“matlamat mereka ke UUM bagi meningkatkan potensi mengejar impian dan ketahanan diri di samping memberi pendedahan kepada dunia kampus kepada pelajar”.

Katanya lagi, Welcome Centre sangat menarik dan memberi banyak informasi berkenaan UUM secara lebih mendalam”.

Malahan, setiap pelajar tentu mengidam-idamkan kejayaan dan mempunyai impian yang besar, serta hala tuju yang jauh untuk memasuki institusi pengajian tinggi yang terbuka luas.

Dalam pada itu, cara mereka meninjau, mengemukakan soalan dan mencatat maklumat kemudahan kampus yang terpapar di Galeri Welcome Centre membuktikan bahawa pelajar SMKABA sedang berusaha untuk memburu kecemerlangan.

Sesungguhnya kejayaan ada di mana-mana. Bak kata pepatah, "Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan".

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my

